



**ANGGOTA** penguat kuasa merampas barangan termasuk pakaian yang dipercayai dijual oleh peniaga warga asing di pekarangan sebuah masjid di Kuala Lumpur semalam.

Warga asing berniaga di kawasan masjid digempur

# Peniaga 'ala bombay' bertempiaran lari

Oleh **NUR MUHAMMAD NAUFAL DUROKHMAN**

**KUALA LUMPUR** – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menggempur operasi segelintir warga asing yang berniaga di pekarangan sebuah masjid di ibu negara semalam.

Tinjauan *Kosmo!* mendapati selain DBKL, operasi membanteras kegiatan haram itu turut disertai Kementerian Kesihatan (KKM) dan Jabatan Imigresen Malaysia.

Dalam operasi itu, pihak berkuasa merampas barangan jualan seperti pakaian dan kurma.

Ketika operasi, peniaga makanan 'ala bombay' itu dilihat baru hendak memulakan operasi, namun terpaksa melarikan diri sebaik ternampak kelibat anggota penguat kuasa.

Mereka turut meninggalkan troli yang dipenuhi dengan makanan.

Seorang peniaga dikenali sebagai Zul berkata, aktiviti perniagaan oleh warga asing berlaku setiap minggu di sekitar kawasan masjid berkenaan.

"Biasanya warga asing berniaga pada Jumaat sahaja kerana pada hari tersebut ramai yang



**SEBUAH** troli yang ditinggalkan oleh peniaga warga asing ketika digempur anggota penguat kuasa semalam.

datang membeli barangan terutamanya orang asing.

"Mereka menjalankan perniagaan di kawasan ini tanpa lesen," katanya.

Selain itu, selepas selesai solat Jumaat, anggota penguat kuasa dilihat sekali lagi melakukan rondaan di kawasan tersebut sebelum menahan dua warga asing yang menjual minyak wangi dan minyak rambut.

Pemeriksaan mendapati mereka tidak memiliki dokumen perjalanan yang sah.

Berdasarkan maklumat yang diterima, warga asing itu mula berniaga di lokasi tersebut sebelum Ramadan lalu.

Sementara itu, seorang lagi peniaga Mohd. Safri, 36, memberitahu, ramai warga asing menjual barangan selepas solat Jumaat di lokasi tersebut.

"Pihak DBKL datang terlalu awal rampas barangan. Mereka sepatutnya datang pada pukul 1.30 tengah hari kerana waktu tersebut ramai warga asing yang berniaga di sini," katanya.